

**PERASMIAN FESTIVAL ANTARABANGSA GASING DAN TAMU BESAR SIPITANG  
30/08/2014**

**GATA SQUARE, SIPITANG SABAH**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman Ketua Menteri Sabah dan  
Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah Haji Tussin,

YB Datuk Seri Panglima Hj Yahya Hussin, Timbalan Ketua Menteri Sabah,

YB Datuk Haji Sapawi Haji Ahmad, Ahli Parlimen Sipitang merangkap Pengerusi  
Jawatankuasa Induk Festival Antarabangsa Gasing dan Tamu Besar (GATA) Sipitang,

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti Wakiman,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah

Pemimpin-pemimpin masyarakat Tempatan,

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-  
Puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir di GATA Square, Sipitang pada hari ini sempena perasmian Festival Antarabangsa Gasing dan Tamu Besar Sipitang (GATA) 2014.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah terutamanya kepimpinan Daerah Sipitang kerana mengundang saya untuk merasmikan Festival pada hari ini. Tahniah saya ucapkan atas kejayaan penganjuran festival ini.

3. Kehadiran masyarakat yang begitu ramai pada hari ini, pastinya akan memeriahkan lagi festival ini, dan ia mencerminkan semangat perpaduan di kalangan semua lapisan rakyat dan memaparkan iltizam kita untuk menjunjung tinggi agenda memperkasa pembangunan negara serta mengeratkan lagi perpaduan di kalangan rakyat di negara kita. Memandangkan tahun ini adalah Tahun Melawat Malaysia 2014, maka amat bersesuaianlah festival ini diadakan dengan menampilkan pelbagai program dan aktiviti menarik yang merangkumi pameran dan jualan hasil produk tempatan dengan disertai juga oleh persembahan kebudayaan pelbagai kaum di negeri ini. Ia dikategorikan sebagai salah satu produk

pelancongan yang cukup unik bagi menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara untuk datang ke negeri Sabah.

4. Ia juga mempunyai peranan yang cukup signifikan dalam memberi ruang dan peluang kepada masyarakat setempat untuk berinteraksi antara satu sama lain. Ini juga akan dapat memupuk malah memantapkan persefahaman yang menjadi nadi semangat toleransi, hormat menghormati dan saling memahami budaya masing-masing. Semangat toleransi dan hormat menghormati ini adalah merupakan elemen yang menjadi tunjang kepada perpaduan rakyat terutama sekali dalam konteks negara kita yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya. Ini bererti, elemen-elemen ini perlu sentiasa dipupuk dan disuburkan bagi membina perasaan serta naluri saling percaya mempercayai di kalangan masyarakat di negara kita.

5. Festival GATA yang diadakan ini berlangsung pada ketika kita rakyat Malaysia sedang berada di ambang meraikan Hari Kemerdekaan negara kita yang ke-57. Setelah lebih separuh abad negara kita merdeka, maka apa yang lebih utama dan penting dilakukan oleh setiap rakyat Malaysia adalah mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara kita yang tercinta ini. Caranya sudah tentu bukan setakat menjaga dan memelihara keamanan dan keselamatan semata-mata, akan tetapi mengisi ruang-ruang kemerdekaan negara dengan perkara-perkara yang mendatangkan kesejahteraan serta kemakmuran kepada rakyat dan juga negara.

6. Menyedari akan tuntutan inilah maka kerajaan dari awal kemerdekaan lagi telah mengambil langkah-langkah pragmatik bagi memacu pembangunan yang mengarah kepada pembangunan modal insan melalui pendidikan, ekonomi dan sosial. Dari segi pendidikan misalnya, kita mempunyai pelbagai kemudahan dari peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Seperti juga negeri-negeri lain, Sabah tidak terkecuali daripada menerima rahmat dan limpahan kemudahan pendidikan di pelbagai peringkat ini. Di samping memiliki pusat pendidikan awal kanak-kanak, sekolah rendah, sekolah menengah dan vokasional, Sabah juga memiliki institusi pendidikan guru, universiti di samping beberapa institusi atau kolej latihan kemahiran. Malah, Sabah akan mempunyai hub pendidikan yang akan di bina di Sandakan dan menempatkan beberapa institusi pendidikan bagi melahirkan modal insan berkualiti yang akan menjadi tenaga penggerak kepada pembangunan dan kemajuan negara.

7. Sementara pembangunan dari perspektif ekonomi, memaparkan kejayaan dalam pencapaian 6.4 peratus KDNK suku kedua tahun ini. Contoh yang boleh di lihat adalah daerah Sipitang sendiri. Kalau dulu daerah ini hanya dikenali sebagai pengeluar buah-buahan tempatan seperti buah kembayau, bambangan, tarap dan durian, tetapi kini Sipitang sudah bertukar wajah menjadi sebuah daerah yang terkenal bukan sahaja di kalangan penduduk tempatan di Sabah dalam industri minyak dan gas, malahan ia kini menjadi

tumpuan pelabur dalam dan luar negara.

8. Boleh dikatakan Sipitang yang dulu bukan lagi seperti yang kita lihat sekarang kerana ia sudah jauh berbeza kerana banyak perubahan telah berlaku selaras dengan pesatnya arus pembangunan negara kita secara keseluruhan. Lebih-lebih lagi dengan kehadiran Projek Pembangunan Sabah Ammonia Urea (SAMUR). Projek di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang di kawasan seluas 67 hektar ini akan menjadi loji urea terbesar sekali gus berpotensi menjadi pengeluar urea kedua terbesar di Asia Tenggara.

9. Dan pastinya, projek mega ini akan memberi impak positif bagi daerah Sipitang dari segi pembangunan serta peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan sekitar. Ini kerana, sebaik sahaja loji bertaraf dunia ini siap dan beroperasi sepenuhnya, ia akan mewujudkan kira-kira 3,000 hingga 4,000 peluang pekerjaan. Ini membuktikan projek SAMUR ini membantu menjana prospek kerjaya sekali gus meningkatkan keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi kepada industri negara.

10. Kunci utama kepada kepesatan pembangunan dan kemajuan Sipitang khususnya dan Sabah amnya adalah kerana perpaduan rakyat yang berbilang kaum, agama dan adat resam di negeri ini. Walaupun terdapat lebih daripada 30 komuniti suku kaum, namun keharmonian hidup beragama dan bermasyarakat di negeri ini masih tetap rukun dan damai. Hendaknya keadaan dan suasana yang tenteram dan kondusif ini terus dipelihara agar lebih banyak pembangunan dan kemajuan mampu dicapai bagi mensejahterakan kehidupan rakyat secara keseluruhan. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan tiada rakyat yang akan terpinggir dari arus pembangunan negara dari segala aspek.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Kerajaan juga sentiasa memberi sokongan padu dalam penganjuran festival yang berunsur seni dan budaya di negara ini kerana kita tahu bahawa ia memaparkan falsafah yang dapat membentuk penyatuan sosial antara kaum di Malaysia. Kita tidak akan mencapai kejayaan pembangunan ekonomi yang makmur jika masyarakat di negara kita tidak bersatu-padu. Negara yang sentiasa berada dalam keadaan bergolak, akan menimbulkan banyak masalah dan kerugian kepada semua orang, termasuk pelancong yang ingin datang ke negara kita. Sebarang pergolakan akan menyebabkan kita kehilangan sebahagian besar pendapatan negara, yang sekaligus akan menjejaskan usaha-usaha kita untuk membangunkan negara selaras dengan matlamat menjadi negara maju pada tahun 2020.

12. Oleh itu, festival yang diadakan ini bukan sahaja dapat membantu mempromosi Sipitang sebagai pusat tarikan pelancong dan pelabur dalam dan luar negara, malah ia juga merupakan wadah bagi menyatupadukan masyarakat. Saya yakin, festival seperti ini juga

turut menyumbang ke arah usaha untuk memelihara budaya dan tradisi lama agar tidak lupus ditelan arus pemodenan terutamanya di kalangan generasi baru contohnya permainan gasing ini yang turut diminati oleh pengunjung dari dalam dan luar negara.

13. Jika kita lihat sekarang, banyak tradisi dan khazanah budaya kita semakin pupus. Keadaan ini sememangnya amat merugikan kerana kita semakin hilang identiti sebagai satu bangsa yang penuh adat tradisi dan budaya. Keadaan ini semakin meruncing sejak akhir-akhir ini kerana pengaruh dari luar yang semakin menular di kalangan masyarakat kita. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada generasi muda agar sentiasa berusaha untuk memastikan khazanah tradisi kita bukan sahaja terkenal di negara kita malah diperkenalkan juga di peringkat antarabangsa dan pada masa yang sama dapat memelihara kesinambungan tradisi berharga ini. Justeru, teruskanlah usaha murni ini demi kesejahteraan negara kita.

14. Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan Negeri Sabah dan para pimpinan di peringkat daerah Sipitang ini khasnya atas usaha murni dan kejayaan menganjurkan Festival Antarabangsa Gasing dan Tamu Besar Sipitang (GATA) 2014 ini.

15. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan "Festival Antarabangsa Gasing dan Tamu Besar Sipitang (GATA) 2014."

Sekian Terima kasih.